

03 MAY 2002  
Mahathir-IT  
BUDAYAKAN ICT DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat perlu membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kehidupan seharian bagi memastikan negara mampu mengejar bangsa lain dalam era revolusi teknologi maklumat (IT).

Malah ia juga akan membolehkan negara mendahului mereka dengan mencipta sesuatu yang terbaru, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata dalam menghadapi saingan revolusi IT Malaysia tidak mempunyai halangan daripada segi kemudahan atau apa yang dikatakan sebagai "physical digital divide" memandangkan kemudahan itu telah sedia ada,

Sebaliknya apa yang menghalangnya ialah "mind set" atau "mind block" penduduknya terutamanya golongan tua untuk menerima sesuatu yang baru, katanya.

"Mind block inilah benteng yang tinggi yang menyekat pendekatan kita untuk menguasai sistem baru ini," kata Dr Mahathir dalam ucap utama dan perasmian Seminar Pembudayaan ICT di sini hari ini.

Seminar sehari bertajuk Menangani Cabaran K-Ekonomi; Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan ICT anjuran Pemuda Umno itu dihadiri lebih 800 orang termasuk pelajar universiti dan usahawan muda.

Dr Mahathir berkata dalam usaha mengembangkan k-society, "resistance" yang besar ialah golongan tua yang menyekat penerimaan bulat-bulat cara baru itu, antaranya maklumat melalui internet, manakala golongan muda pula lebih mudah untuk menguasai ilmu baru itu yang memberikan jaminan masa depan yang lebih cerah dalam era revolusi IT.

Dr Mahathir berkata revolusi baru ICT merupakan asas kepada maklumat dan pengetahuan bagi mengubah sistem masyarakat supaya lebih maju dan dapat menambah kualiti hidup.

Katanya orang Melayu tidak sepatutnya menganggap mereka tidak boleh menguasai ilmu itu sama atau lebih daripada orang lain, malah mereka mampu menjadi pencipta daripada pengguna dalam era baru ini.

"Tidak ada kelemahan otak di kalangan orang Melayu. Yang menjadi sekatan ialah mind block (sekatan pemikiran) dan budaya kita.

"Kita tidak berminat untuk berbuat sesuatu seperti membaca buku atau bekerja kuat dan tekun. Sebenarnya yang menjadi mundur, budaya kita yang menyekat kita menguasai ilmu atau kecekapan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata orang Melayu perlu sanggup menukar budaya tetapi dengan mengekalkan sifat keMelayuannya dan menerima apa sahaja yang baik bagi membantu membangunkan negara.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia terkenal sebagai negara membangun yang termaju, sumbangan orang Melayu terhadap pembangunan masih belum dapat dibanggakan lagi.

Perdana Menteri berkata walaupun beliau sendiri cuba mempraktikkan sikap positif melalui kepimpinan melalui teladan seperti balik dari lawatan luar negara terus bekerja walaupun letih, ramai yang hanya memuji.

"Tak usah puji, ikut cukup," kata beliau.

Menurutnya orang Melayu perlu sedar bahawa tidak semua orang berkulit putih itu maju tetapi orang kulit putih sebenarnya adalah dari barat.

Beliau berkata sebagai contoh, Rusia pada masa dahulu tidak bertamadun tetapi ia dapat dilakukan apabila pemimpinnya Peter Alexevitch atau lebih dikenali sebagai "Peter the Great" berusaha memodenkan masyarakatnya secara paksaan dengan mencontohi kemajuan orang putih barat seperti Eropah.

Selepas itu, Rusia membangun hingga berjaya menghasilkan satelit

pertama dan angkasawan yang dapat mengelilingi dunia, kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak ada yang sukar bagi orang Melayu belajar kerana mereka hanya perlu tekun dan mengulangi apa yang dipelajari hingga menjadi cekap dan pakar dalam bidang yang diterokai.

"Begitu juga dengan pelajaran, kalau sering diulang tidak ada yang sukar kecuali malas membaca, lebih suka berdemonstrasi atau berkempen politik semasa pilihanraya.

"(Tindakan sedemikian) tidak mungkin menjadikan (pelajar) orang bijak dan pandai dalam pelajaran," katanya.

Katanya, orang Melayu juga perlu berpegang kepada prinsip pelajaran berterusan walaupun setelah tamat persekolahan dan memperolehi ijazah kerana ia penting untuk menguasai ilmu yang sentiasa berkembang.

-- BERNAMA

HK HK NAK